

1. Gambar 1 berkaitan dengan sejenis kegiatan.



Apakah jenis aktiviti dalam gambar di atas?


- A. Satu aktiviti yang menjalankan kegiatan sosial
- B. Satu aktiviti yang memberi sumbangan kepada pengguna
- C. Satu aktiviti pertukaran barang dan perkhidmatan dalam sistem barter
- D. Satu aktiviti jual beli barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan

2. Maklumat di bawah berkaitan dengan satu bentuk perniagaan.

- Perniagaan dikendalikan mengikut sistem piawaian yang ditetapkan oleh pemegang hak sesuatu jenama
- Peniaga tidak boleh melakukan sebarang inovasi tanpa kebenaran pemegang hak.

Apakah bentuk perniagaan yang sesuai bagi kenyataan di atas?

- | | |
|------------------------------|---------------|
| A. Syarikat Sendirian Berhad | C. Usaha sama |
| B. Kontrak pengeluaran | D. Francais |
3. Antara berikut, yang manakah kelebihan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) berbanding dengan Perkongsian Berhad.
- I. Mudah diuruskan
 - II. Mudah ditubuhkan
 - III. Hayat perkongsian berterusan
 - IV. Semua rakan kongsi mempunyai tanggungan terhad
- | | |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |
4. Rajah berikut berkaitan dengan sektor perniagaan.



Apakah bidang pekerjaan yang boleh dikategorikan dalam sektor X?

- | | |
|-----------------|-------------------------|
| A. Guru | C. Penternak ayam |
| B. Buruh binaan | D. Pemilik Salon Rambut |

5. Perbezaan manakah yang betul tentang Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad?

| | Syarikat Sendirian Berhad | Syarikat Awam Berhad |
|----|---|---|
| A. | Bilangan ahli sekurang-kurangnya dua dan tiada had maksimum | Bilangan ahli antara 2 orang hingga 50 orang |
| B. | Saham tidak boleh diurus niaga di Bursa Malaysia | Saham boleh diurus niaga di Bursa Malaysia |
| C. | Pemegang saham menanggung liabiliti tidak terhad | Pemegang saham menanggung liabiliti terhad |
| D. | Laporan kewangan akan diumumkan kepada orang ramai | Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai |

6. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

| Perniagaan X | Perniagaan Y |
|------------------------------------|---------------------------|
| • Kemahiran dalam urusan guaman | • Barang berasaskan getah |
| • Mempunyai 85 orang pekerja tetap | |

Klasifikasi perniagaan manakah yang tepat bagi perniagaan X dan Y?

| | Perniagaan X | | Perniagaan Y | |
|----|---------------------|---------------|---------------------|---------------|
| | Saiz | Sektor | Saiz | Sektor |
| A. | Sederhana | Pembuatan | Sederhana | Pertanian |
| B. | Sederhana | Pembuatan | Besar | Pertanian |
| C. | Besar | Perkhidmatan | Sederhana | Pembuatan |
| D. | Besar | Perkhidmatan | Besar | Pembuatan |


7. Gambar 2 menunjukkan logo dua buah agensi kerajaan.



Apakah persamaan agensi kerajaan di atas?

- | | |
|--|----------------------------------|
| A. Mengutip cukai | C. Memberi pinjaman perniagaan |
| B. Menjaga keamanan negara | D. Menguatkuasakan undang-undang |
| 8. Agensi kerajaan manakah yang terlibat dalam pemberian bantuan kewangan kepada para peniaga? | |
| A. MARA | C. FELDA |
| B. MARDI | D. SIRIM |

9. Rajah menunjukkan trend persekitaran pertumbuhan ekonomi.



Apakah kesan jangka masa panjang keadaan X kepada ekonomi negara?

- A. Permintaan terhadap barang meningkat
- B. Wujud lambakan produk dalam negara
- C. Kuasa beli pengguna meningkat
- D. Pengangguran berkurangan

10. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gaya pengurusan.

- Pekerja diberikan kebebasan untuk membuat keputusan
- Pengurus kurang mengawal tingkah laku pekerja

Apakah gaya pengurusan tersebut?

- A. Gaya pengurusan laissez-faire
- B. Gaya pengurusan autokratik
- C. Gaya pengurusan demokratik
- D. Gaya pengurusan sokongan

11. Maklumat berikut berkaitan dengan tujuan penetapan Q.

- Q {
- Menerangkan aktiviti perniagaan yang sedang dijalankan
 - Menjadi garis panduan menilai keperluan setiap unit dan bahagian organisasi

Apakah Q?

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> A. Visi B. Misi | <ul style="list-style-type: none"> C. Objektif D. Sasaran |
| <p>12. Antara yang berikut, yang manakah kesan daripada imej perniagaan yang terjejas akibat kegagalan mencapai objektif?</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Menghadapi kesukaran bersaing II. Tidak mampu membayar kos operasi III. Bank mengenakan syarat lebih ketat IV. Sukar mendapat kerjasama pihak berkepentingan | |
| <ul style="list-style-type: none"> A. I dan II B. I dan IV | <ul style="list-style-type: none"> C. II dan III D. III dan IV |

13. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri objektif sesebuah perniagaan.

- **Perniagaan Perabot Rasa Sayang Enterprise menyediakan jadual kerja untuk menyiapkan perabot mengikut tempahan pelanggan.**

Apakah ciri objektif yang terlibat?

- | | |
|--------------|-----------------|
| A. Spesifik | C. Jangka masa |
| B. Munasabah | D. Boleh diukur |

14. Apakah langkah yang perlu diambil oleh organisasi untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia organisasi.

- A. Meningkatkan pembayaran gaji
- B. Membawa masuk teknologi baru
- C. Meningkatkan bilangan kakitangan
- D. Mengadakan latihan dan pembangunan

15. Apakah faktor yang perlu diambil kira oleh Syarikat Pembinaan Daya untuk menghasilkan visi dan misi perniagaannya?

- I. Belian
 - II. Pemasaran
 - III. Daya saing
 - IV. Syer pasaran
- | | |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

16. Pernyataan manakah benar tentang struktur organisasi?

- A. Susun atur aset dan sumber manusia dalam organisasi perniagaan
- B. Menunjukkan susunan dan hubungan antara setiap bahagian fungsian dalam organisasi
- C. Menunjukkan aliran maklumat terkini dan autoriti di antara setiap tahap dalam perniagaan
- D. Merupakan carta organisasi yang menghubungkan semua bahagian dalam organisasi perniagaan


17. Maklumat di bawah ini merujuk kepada peranan salah satu bahagian fungsian dalam organisasi.

- Menjalankan urusan dalaman organisasi
- Mengurus rekod
- Mengendalikan mesyuarat

Apakah bahagian fungsian berkenaan?

- A. Kewangan
- B. Pentadbiran
- C. Sumber manusia
- D. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)


18. Rajah di bawah menunjukkan peringkat pembangunan produk baharu.



Apakah peringkat P dan Q?

| | P | Q |
|----|------------------|---------------------|
| A. | Penyaringan idea | Ujian pemasaran |
| B. | Penyaringan idea | Analisis perniagaan |
| C. | Ujian pemasaran | Analisis perniagaan |
| D. | Ujian pemasaran | Penyaringan idea |

19. Rajah di bawah ini menunjukkan proses komunikasi.



Apakah unsur W, X, Y dan Z?

| | W | X | Y | Z |
|----|--------------|---------|--------------|--------------|
| A. | Maklum balas | Dekod | Saluran | Enkod |
| B. | Dekod | Saluran | Enkod | Maklum balas |
| C. | Saluran | Enkod | Maklum balas | Dekod |
| D. | Enkod | Saluran | Dekod | Maklum balas |

20. Pernyataan manakah menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?

- A. Usaha untuk membina imej baik organisasi.
- B. Usaha untuk membangunkan tenaga kerja dalam organisasi.
- C. Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan.
- D. Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi.

21. Penyataan di bawah adalah mengenai Encik Nathan.

Encik Nathan telah menjawat jawatan sebagai kerani akaun di sebuah syarikat swasta. Beliau telah menggunakan wang syarikat untuk membayar wang pendahuluan kereta miliknya.

Apakah jenis kesalahan yang dilakukan oleh Encik Nathan?

- | | |
|--------------------|-------------------|
| A. Pecah amanah | C. Tidak beretika |
| B. Salah guna aset | D. Ingkar arahan |

22. Maklumat berikut berkaitan dengan aspek dalam pengelolaan sumber manusia.

Encik Syafiq telah ditawarkan jawatan sebagai tukang masak di sebuah hotel terkenal di Perlis. Beliau mempunyai pengalaman selama empat tahun dalam bidang masakan dan Diploma Kulinari dari universiti tempatan.

Apakah aspek pengelolaan tersebut?

- | | |
|------------------------------------|------------------------------------|
| A. Penempatan pekerja dan fasiliti | C. Sistem penggajian |
| B. Penyelesaian masalah | D. Standard prosedur operasi tugas |

23. Apakah yang dimaksudkan dengan harta intelek?

- | | |
|---|------------------------------------|
| A. Hasil kreativiti atau ciptaan yang berasal daripada daya imaginasi seseorang | C. Sistem penggajian |
| B. Hasil kreativiti atau ciptaan yang berasal daripada daya intelektual seseorang | D. Standard prosedur operasi tugas |

24. Antara yang berikut, manakah yang **bukan** berkaitan dengan prosedur mengurus sumber fizikal sesebuah kilang perabot?

- | | |
|---|---------------|
| I. Menyelenggarakan semua mesin supaya operasi pengeluaran lancar | C. II dan III |
| II. Mengambil insurans kebakaran dan kecurian untuk mengelakkan kerugian | D. III dan IV |
| III. Menyediakan mesin dan peralatan terkini untuk meningkatkan mutu keluaran | |
| IV. Menghasilkan pelbagai jenis perabot untuk pasaran tempatan dan antarabangsa | |

25. Maklumat berikut berkaitan dengan kekuatan sejenis pembiayaan luaran.

Perniagaan boleh menambah kecairan perniagaan dengan menjual surat hutang atau invois

Apakah jenis pembiayaan luaran tersebut?

- | | |
|------------|----------------|
| A. Syer | C. Ar-Rahnu |
| B. Pajakan | D. Pemfaktoran |

26. Apakah peranan Syarikat Jaminan Kredit (CGC)?

- | | |
|---|---|
| A. Memberi latihan dan bimbingan kepada peniaga | C. Membantu usahawan PKS untuk berdaya maju |
| B. Membantu usahawan PKS untuk berdaya maju | D. Membangunkan infrastruktur asas perniagaan |

27. Pilih prosedur yang betul bagi mendapatkan sumber pembiayaan
- Meyediakan rancangan perniagaan → mendapat khidmat nasihat kewangan → membuat permohonan → pembiayaan diluluskan
 - Mendapat khidmat nasihat kewangan → membuat permohonan → menyediakan rancangan perniagaan → pembiayaan diluluskan
 - Menyediakan rancangan perniagaan → membuat permohonan → mendapatkan khidmat nasihat kewangan → pembiayaan diluluskan
 - Membuat permohonan → menyediakan rancangan perniagaan → pembiayaan diluluskan → mendapat khidmat nasihat kewangan
28. Apakah prosedur am kedua yang perlu dipatuhi oleh sesebuah perniagaan untuk mendapatkan sumber pembiayaan?
- Menyediakan borang permohonan
 - Menyediakan rancangan perniagaan
 - Menyediakan dokumen yang lengkap
 - Mendapat khidmat nasihat kewangan
29. Siapakah yang menggunakan maklumat dalam penyata kewangan sebagai rujukan semasa mengawal dan merancang aktiviti perniagaan?
- Pemutang
 - Para pelabur
 - Pihak pengurusan
 - Institusi kewangan
30. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan maklumat kewangan Syarikat Binaraya Bhd. pada akhir tahun 2017.

| | RM |
|---------------|---------|
| Untung kasar | 60 000 |
| Untung bersih | 25 000 |
| Modal awal | 300 000 |
| Modal akhir | 325 000 |

Kirakan peratusan pulangan atas modal bagi Syarikat Binaraya Bhd.

- 7.7%
 - 8.3 %
 - 18.5 %
 - 20.0 %
31. Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah pusing ganti stok Syarikat Diela Berhad.

| Tahun | 2017 | 2018 |
|--------------------------|----------|----------|
| Nisbah pusing ganti stok | 1.5 kali | 3.0 kali |

Apakah kesimpulan anda?

- Jualan syarikat pada tahun 2018 lebih dua kali ganda berbanding tahun 2016
 - Syarikat membeli stok baharu pada tahun 2018 dua kali ganda berbanding tahun 2017
 - Jualan dan keuntungan syarikat menurun pada tahun 2018 berbanding tahun 2017
 - Kecekapan pihak pengurusan menguruskan stok untuk menjana untung sudah meningkat pada tahun 2018.
- I dan II
 - II dan III
 - II dan IV
 - III dan IV

32. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian salah seorang usahawan yang berjaya di Malaysia.

Ramly Burger merupakan salah satu pengeluar produk makanan sejuk beku yang berlandaskan konsep halal, bersih dan bermutu. Idea penghasilan daging burger ini wujud kerana kebanyakan makanan sejuk beku tidak mempunyai kesahihan halalnya. Dalam menjayakan produknya ini, Encik Ramly tidak pernah berputus asa walaupun usahanya pernah diperlekeh oleh masyarakat. Dengan simpanan sendiri serta bantuan pinjaman daripada agensi kerajaan, kini beliau telah mempunyai dua buah kilang pemprosesan di Kawasan Perindustrian Bandar Tun Razak dan di Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu.

Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah ciri-ciri keperibadian usahawan ini?

- A. Kreatif dan inovatif
 - B. Semangat berpasukan
 - C. Berani mengambil risiko
 - D. Berinisiatif dan bertanggungjawab
33. Gambar di bawah menunjukkan satu agensi kerajaan yang menyumbangkan kepada kejayaan usahawan.



Bagaimanakah agensi berkenaan menyumbangkan kepada kejayaan usahawan?

- A. Menyediakan khidmat nasihat memulakan perniagaan
 - B. Memberikan latihan kemahiran pengurusan perniagaan
 - C. Menyediakan modal untuk memulakan perniagaan
 - D. Membantu dalam pemilihan lokasi perniagaan
34. Antara yang berikut, manakah yang merupakan keberuntungan perniagaan kepada seseorang usahawan?
- I. Melaksanakan tanggungjawab sosial
 - II. Penggunaan peralatan dan teknologi terkini
 - III. Memberi kebebasan untuk mengurus perniagaan
 - IV. Mendapatkan sumber manusia yang tidak ada pengalaman
- | | |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |
35. Perniagaan manakah yang ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- | | |
|----------------------|-------------------------------|
| A. Ismail Enterprise | C. Koperasi SMK Pekan Berhad |
| B. Berjaya Berhad | D. Sinar Ros Sendirian Berhad |
36. Apakah yang perlu disediakan oleh usahawan untuk membuktikan keupayaan perniagaan membayar balik pinjaman dalam rancangan kewangan bagi rancangan perniagaan?
- | | |
|-------------------------|-----------------------|
| A. Penyata Aliran Tunai | C. Kunci Kira-kira |
| B. Penyata Untung Rugi | D. Titik Pulang Modal |

37. Encik Saiful ingin menubuhkan sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Apakah prosedur penubuhan perniagaan tersebut.
- Permohonan carian nama syarikat → Melantik setiausaha syarikat → Permohonan pemerbadanan syarikat
 - Permohonan kelulusan nama perniagaan → Notis pemerbadanan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Permohonan carian nama syarikat → Permohonan pemerbadanan syarikat → Notis pemerbadanan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Permohonan kelulusan nama perniagaan → Mengisi borang A → Menghantar borang bersama dokumen ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
38. Maklumat berikut berkaitan dengan penyata aliran tunai.

| Kedai Buku Ajib Penyata Aliran Tunai Bagi Tiga Bulan Berakhir 31 Mac 2019 | | | |
|--|-----------------|------------------|-------------|
| Butiran | Januari (RM) | Februari (RM) | Mac (RM) |
| Baki b/b | 10 | ? | ? |
| Penerimaan | 50 | 150 | 80 |
| Pembayaran | 40 | X | 70 |
| Baki h/b | ? | 120 | Y |

Apakah nilai X dan Y?

| | X (RM) | Y (RM) |
|----|-----------|-----------|
| A. | 270 | 370 |
| B. | 150 | 200 |
| C. | 100 | 150 |
| D. | 50 | 130 |

39. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan beberapa persoalan yang boleh dijawab apabila menyediakan rancangan perniagaan.

- Siapakah sasaran untuk produk kita?
- Berapa ramaikah pesaing dalam pasaran?
- Apakah strategi pemasaran yang paling sesuai untuk menarik pengguna?

Bahagian manakah dalam rancangan perniagaan dapat menjawab soalan-soalan berkenaan?

- | | |
|-----------------------|--------------------------|
| A. Rancangan operasi | C. Rancangan pemasaran |
| B. Rancangan kewangan | D. Rancangan pentadbiran |
40. Apakah tujuan sesuatu Rancangan Perniagaan disediakan?
- Untuk mencari pelanggan
 - Untuk mendapatkan pekerjaan
 - Untuk menilai prestasi perniagaan
 - Untuk mendapatkan pinjaman
- | | |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |